

Perjanjian Pengelakan

PERCUKAIAN DUA KALI (DTA)

Apakah yang Dimaksudkan dengan Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali?

Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (DTA) ialah perjanjian atau kontrak mengenai percukaian berganda atau lebih tepat, pengelakan percukaian berganda. DTA ialah kontrak yang ditandatangani oleh dua buah negara (yang dirujuk sebagai negara-negara kontrak) untuk mengelak atau mengurangkan (meminimumkan) pengenaan percukaian berganda atas pendapatan yang sama oleh kedua-dua buah negara.

Bagaimanakah Percukaian Dua Kali Boleh Berlaku?


Apabila residen (sama ada individu, atau syarikat) dari dua buah negara tertentu berdagang atau mengurus niaga antara satu sama lain, keadaan ini akan menimbulkan perdagangan antarabangsa (transaksi rentas sempadan).

Contoh 1:

Aiman merupakan usahawan yang menetap di negara A. Aiman telah menjalankan urus niaga perniagaan dengan individu di negara B. Hasil urus niaga tersebut, Aiman memperoleh pendapatan sejumlah \$100. Amaun \$100 ini berkemungkinan akan dikenakan cukai di negara A (atas sebab Aiman merupakan warganegara atau menetap di negara A), dan juga boleh dikenakan cukai di negara B (oleh kerana keuntungan tersebut diperoleh dari negara B). Kadar cukai di negara A = 30 peratus, manakala kadar cukai di negara B = 25 peratus,

$$\begin{aligned} &= \text{Cukai di negara A} + \text{Cukai di negara B} \\ &= (30\% \text{ daripada } \$100) + (25\% \text{ daripada } \$100) \\ &= \$30 + \$25 \end{aligned}$$

= Aiman berkemungkinan perlu membayar cukai sebanyak \$55, dan hanya memperoleh keuntungan bersih yang minimum sebanyak \$45.



Mengapakah perlunya DTA?

Berdasarkan senario di atas, seseorang peniaga akan cenderung memilih untuk terus berniaga hanya di dalam sempadan negara sendiri dan membayar cukai di satu negara sahaja bagi mengelakkan pembayaran cukai kepada pihak berkuasa cukai di luar negara. Di samping itu, ketidakpastian berhubung prosedur pemungutan cukai atas pendapatan urus niaga antarabangsa juga boleh menyebabkan ketidakpastian kepada individu yang berdagang.

Dengan adanya DTA, risiko percukaian ganda dapat dikurangkan atau dielakkan dengan menetapkan takrifan pendapatan dan prosedur untuk mengelakkan berlakunya percukaian dua kali. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan persekitaran perdagangan antarabangsa yang kondusif, seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk berurusan dengan peniaga di negara yang mempunyai DTA, sekali gus mendorong pertumbuhan ekonomi negara tersebut.

Apakah Kandungan DTA?

Sebuah DTA mengandungi "artikel", iaitu bab atau bahagian yang merangkumi pelbagai bidang. Secara umumnya, DTA merangkumi perkara seperti yang berikut:

- Pengasingan Kuasa Percukaian:** Perjanjian menetapkan kuasa negara yang mempunyai hak untuk mengenakan cukai terhadap jenis pendapatan tertentu, seperti dividen, faedah, royalti dan keuntungan modal.
- Definisi Pendapatan dan Kriteria Pemastautin:** Definisi pendapatan yang dikenakan cukai dan kriteria untuk menentukan status pemastautin bagi pembayar cukai individu dan syarikat termasuk dalam perjanjian ini. Keadaan ini membantu menetapkan negara mana yang berhak untuk memungut cukai.
- Kadar Cukai:** Perjanjian menetapkan kadar cukai yang dikenakan atas pelbagai jenis pendapatan yang termasuk dalam lingkup perjanjian.
- Pengelakan Percukaian Berganda:** Perjanjian mengandungi peraturan untuk mengelakkan situasi di mana individu ataupun syarikat dikenakan cukai yang berganda atas pendapatan yang sama di kedua-dua buah negara.
- Penyelesaian Pertikaian:** Mekanisme atau prosedur yang ditetapkan dalam menyelesaikan sebarang pertikaian yang timbul berkaitan dengan percukaian antara kedua-dua buah negara.
- Perlindungan dan Pelaburan:** Bahagian yang berkaitan dengan perlindungan pelaburan antara dua buah negara, dan juga peraturan mengenai pengurangan cukai atas dividen dan faedah yang diterima oleh pemegang saham.

Contoh 2:


Berdasarkan senario Aiman (keuntungan \$100 yang diperoleh dari perdagangan rentas sempadan dan dikenakan cukai di negara A dan B), sekiranya terdapat DTA yang ditandatangani antara kedua-dua buah negara A dan B, kaedah kredit diambil untuk menghapuskan percukaian ganda, mekanisme pelepasan cukai berganda akan berfungsi seperti yang berikut:

Negara B (negara sumber)	Negara A (negara residen - Aiman)
= Cukai di negara B	= Cukai di negara A
= 25% daripada \$100	= 30% daripada \$100
= \$25	= \$30 - (pelepasan cukai berganda negara B)
	= \$30 - (25% daripada \$100)
	= Cukai di negara A = \$5

Secara keseluruhannya, jumlah cukai yang perlu dibayar oleh Aiman adalah sebanyak \$30. Daripada perlu membayar cukai sebanyak \$55 (Contoh 1), Aiman hanya membayar \$30 atas pendapatan \$100 tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa DTA memainkan peranan penting dalam menyelesaikan isu-isu perdagangan antarabangsa dengan menyediakan panduan pengurusan percukaian berganda yang jelas. Hal ini sekali gus membantu mengurangkan ketidakpastian dan risiko percukaian berganda terhadap individu dan syarikat yang terlibat dalam urus niaga antarabangsa.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

KUIZ: PERJANJIAN PENGELAKAN PERCUKAIAN DUA KALI (DTA)



Melintang

- _____ yang ditandatangani oleh dua buah negara bertujuan untuk mengelakkan pengenaan percukaian berganda atas satu pendapatan yang sama.
- Syarikat yang menjalankan perdagangan antarabangsa berpotensi untuk dikenakan cukai dua kali terhadap keuntungan yang diterima daripada transaksi _____.
- DTA menetapkan _____ yang mempunyai hak untuk mengenakan cukai atas jenis pendapatan tertentu, seperti dividen, faedah, royalti dan keuntungan modal.
- DTA mengandungi definisi pendapatan yang dikenakan cukai dan kriteria penentuan _____ bagi pembayar cukai individu dan syarikat.
- Perjanjian menetapkan _____ yang dikenakan terhadap pelbagai jenis pendapatan yang termasuk dalam lingkup perjanjian.

Menegak

- DTA akan meningkatkan keyakinan pelabur asing dan persekitaran _____ yang kondusif.
- DTA berperanan mengurangkan risiko percukaian berganda dengan menetapkan _____ dan prosedur pengelakkan percukaian dua kali.
- _____ boleh menyebabkan peniaga memilih untuk terus berniaga di dalam negara sahaja.
- Sekiranya terdapat sebarang _____ yang timbul antara dua negara, DTA berperanan sebagai rujukan penyelesaian pertikaian tersebut.

PERATURAN

- Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Oktober 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
- Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

